

10 AUG 1999

Mahathir-Demokrasi

PEMBANGKANG AKAN SEKAT KEBEBASAN DEMOKRASI JIKA BERKUASA: MAHATHIR

MELAKA, 10 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pembangkang harus berterima kasih kepada Barisan Nasional (BN) kerana mengekalkan sistem demokrasi yang diasaskan oleh parti Perikatan semasa negara mencapai Kemerdekaan.

Perdana Menteri berkata melalui sistem demokrasi itu BN dapat memberi pembangkang peluang untuk bertanding dalam pilihan raya umum.

Ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di sini, Dr Mahathir yang juga pengerusi BN berkata BN masih berpegang kuat kepada demokrasi dan masih rela menyerahkan kuasa kepada rakyat setiap lima tahun.

"Kalau pembangkang dipilih, apakah mereka akan mengekalkan demokrasi?. Saya tidak percaya mereka akan memberi hak (kepada rakyat) untuk memilih pemimpin," kata beliau.

Ini kerana pembangkang "tidak senang hati" dengan sistem demokrasi walaupun ketika mereka tidak memerintah negara ini, kata beliau.

Dr Mahathir memberi contoh mengenai cadangan PAS untuk mengharamkan akhbar-akhbar yang kini dianggapnya anti-pembangkang jika mereka memerintah negara ini kelak.

"Inilah orangnya yang hendak demokrasi untuk diri mereka tapi apabila memerintah mereka mahu tutup media," kata beliau.

Perdana Menteri memberitahu lebih 15,000 orang yang menghadiri perjumpaan di Tangga Batu itu bahawa jika tidak kerana Perikatan atau kini BN, sistem demokrasi tidak akan wujud di negara ini.

Beliau berkata sebelum Perikatan yang dianggotai Umno, MCA dan MIC menerajui kerajaan, sistem pemerintahan negara ini adalah berbentuk feodal dan selepas British mengambil alih Tanah Melayu, mereka melaksanakan sistem kolonial yang tidak mengambil kira sama-sekali hak rakyat.

"Tetapi apabila kita (Perikatan) mengambil alih, kita memperjuangkan sistem demokrasi.

"Yang pilih sistem demokrasi ialah parti Perikatan pada masa itu. Bukan parti lawan, bukan PAS dan DAP tidak wujud masa itu," kata beliau dalam ucapannya yang di selang seli dengan teriakan "Hidup Barisan, Hidup Mahathir" oleh orang ramai.

Beliau berkata parti-parti pembangkang wujud hari ini kerana usaha Perikatan dahulu untuk memperkenalkan sistem demokrasi.

-- LAGI